

Tarikh : 10.9.2019

Perkara : Makluman Mengenai Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Persekutuan Bagi Tahun 2019

YAA / YA / Tan Sri / Puan Sri / Datuk Seri Utama / Datuk Seri Panglima / Datuk Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Sukacita dimaklumkan bahawa sempena dengan Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 9 September 2019, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah perkenan dan sukacitanya mengurniakan kepada penerima berikut:-

Nama & Jawatan	Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan	Gelaran
YAA DATO' SERI UTAMA TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT Ketua Hakim Negara	Panglima Mangku Negara (P.M.N)	Tan Sri
YAA DATUK SERI PANGLIMA DAVID WONG DAK WAH Hakim Besar Sabah dan Sarawak	Panglima Setia Mahkota (P.S.M)	Tan Sri
YA PUAN SUPANG LIAN Hakim Mahkamah Tinggi Kuching	Panglima Jasa Negara (P.J.N)	Datuk
YA PUAN SEE MEE CHUN Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru	Panglima Jasa Negara (P.J.N)	Datuk

Gelaran ini akan diguna pakai secara rasmi mulai dari tarikh pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan tersebut iaitu pada 9 September 2019.

Sehubungan dengan itu seluruh warga Badan Kehakiman Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **YAA Tan Sri Dato' Seri**

Utama Tengku Maimun binti Tuan Mat, YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah, YA Datuk Supang Lian dan YA Datuk See Mee Chun di atas pengurniaan tersebut.

Sekian untuk makluman YAA / YA / Tan Sri / Puan Sri / Datuk Seri Utama / Datuk Seri Panglima / Datuk Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan.

Terima kasih.

Yang menjalankan amanah,

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Istana Kehakiman
Putrajaya, MALAYSIA